

TEKS UCAPAN
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD
JANOR
NAIB CANSELOR UiTM

Diwaliki oleh;

TNC ICAN

sempena

MAJLIS PENUTUP PROGRAM
FLYING HIGH AND FINANCIAL INDEPENDENCE
STRATEGY FOR COMMUNITY ENTREPRENEUR
(FISCENT)
KOMUNITI USAHAWAN DAN PELAJAR
BUKIT SUBANG

18 MAC 2023 | SABTU | 8.45 PAGI
ELMINA RAINFOREST KNOWLEDGE CENTER
SHAH ALAM

Bismillahirrahmanirrahim

[Salutasi- Senarai Kehadiran]

Mencari timba si anak dara,
Di bawah sarang burung tempua
Salam sembah pembuka bicara,
Selamat datang untuk semua.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena majlis penutup program **Vice Chancellor Special Project** Universiti Teknologi MARA iaitu **FLYING HIGH FOR STUDENT AND FINANCIAL INDEPENDENCE STRATEGY FOR COMMUNITY ENTREPRENEUR** bersama para usahawan komuniti Bukit Subang dan pelajar-pelajar SMK Subang.

2. Pada hari ini, saya mewakili **Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM** yang tidak dapat hadir bersama-sama kita.

3. Saya bagi pihak UiTM merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berkerjasama menjayakan program Flying High for Student, FISCENT dan majlis pada hari ini.

4. Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan kerjasama yang turut hadir dan tidak jemu memberikan bantuan serta sokongan kepada UiTM dalam memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan program ini.

Para hadirin yang saya kasihi,

5. Belanjawan Madani 2023 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri menekankan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Penekanan ini adalah untuk memastikan PMKS kembali berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan dengan memperuntukkan sebanyak RM50 juta melibatkan penyediaan kemudahan penjaja, gerai dan warung yang bersih dan indah di seluruh negara.

6. UiTM menyahut hasrat tersebut dengan memberi bantuan kepada para usahawan PMKS Bukit Subang melalui modul yang dibangunkan iaitu “Flying High and Financial Independence Strategy for Community Entrepreneur (FISCENT)”.

7. Objektif program ini adalah memberikan latihan dan pemindahan ilmu, yang memberikan fokus kepada perniagaan secara digital dan membina kolaborasi dengan syarikat swasta dan agensi kerajaan, bagi memastikan kelangsungan perniagaan. Justeru, para usahawan perlu mendapatkan ilmu asas keusahawanan bagi membantu kelancaran perniagaan supaya tidak terencat operasinya terutamanya di pasca pandemik.

8. Program ini turut melibatkan pelajar tingkatan 3, Sekolah Menengah Kebangsaan Subang. Ia sejajar dengan usaha kerajaan menerusi Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara untuk menggalakkan penyertaan pelajar dalam bidang sains dan teknologi. Penekanan yang diberikan adalah dengan memupuk minat lebih kurang 85 pelajar kumpulan B40 ke arah pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pendedahan terhadap ilmu keusahawanan serta pengurusan kewangan juga digarap dalam 2 sesi program yang dilaksanakan pada Februari yang lalu.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

9. Berdasarkan konsep Program Pemindahan Pengetahuan (Knowledge Transfer Program; KTP) yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), universiti dan industri perlu memainkan peranan untuk menyumbang dalam pembangunan sosial dan masyarakat setempat dengan

menyebarkan ilmu baharu dan mendidik masyarakat ke arah hala tuju dan misi yang terbaik dan relevan.

10. Aktiviti pemindahan ilmu ini dapat dilihat dengan penganjuran tiga siri bengkel Keusahawanan Digital yang memberi pendedahan, pengetahuan serta latihan secara langsung kepada lebih 25 usahawan di Bukit Subang untuk memperkasakan perniagaan yang sedia ada menggunakan aplikasi teknologi maklumat, digitalisasi dan e-perdagangan.

11. Antara yang disentuh ketika kursus ini adalah pendaftaran perniagaan, catatan rekod dan pengurusan kewangan, jualan dan pemasaran, operasi perniagaan di dalam talian, fotografi, Model Kanvas Perniagaan, *copywriting* dan sebagainya.

12. Bengkel-bengkel ini telah mendapat kerjasama dan kolaborasi daripada pelbagai syarikat antaranya Pfizer Malaysia, Lazada Malaysia, Agrobank dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Projek ini juga mendapat kerjasama

secara langsung daripada Majlis Bandaraya Shah Alam dan Komuniti Bukit Subang.

13. Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa para peserta FLYING HIGH & FISCENT sangat teruja dengan program bermanfaat yang telah diadakan dan berharap agar program seperti ini dapat diteruskan.

14. Sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada para usahawan yang telah berusaha dan meluangkan masa menghadiri bengkel-bengkel yang dianjurkan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada 6 penyelidik dari UiTM dan beberapa orang pensyarah dari pelbagai fakulti yang telah sama-sama menjayakan program ini. Terima kasih juga sekali lagi kepada rakan strategik yang memberikan sokongan dan bantuan kepada UiTM.

15. Saya berharap segala inisitif yang dilaksanakan ini dapat dimanfaatkan oleh para usahawan di Bukit

Subang untuk memperkasakan perniagaan yang sedia ada.

16. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya mewakili Naib Canselor UiTM dengan ini merasmikan **Majlis Penutup program "FLYING HIGH FOR STUDENT and FINANCIAL INDEPENDENCE STRATEGY FOR COMMUNITY ENTREPRENEUR"**.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.